

## *Penggunaan Kaedah T.O.P dalam Menjawab Kefahaman Subjektif*

**Noraini Karsani**

noraini\_karsani@schools.gov.sg

**Mohamad Iskandar Mohd Yaakop**

mohamad\_iskandar\_mohd\_yaakop@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah New Town**

### *Abstrak*

Dalam kajian yang dijalankan ke atas 45 orang murid Darjah 4, atau dua kelas murid Darjah 4, guru mendapati bahawa murid berupaya menggunakan strategi berfikir 'T.O.P', untuk menjawab soalan kefahaman subjektif dengan lebih berkesan. Pengajaran berdasarkan pembelajaran menggunakan strategi berfikir ini dapat melengkapinya dengan satu rutin berfikir, lantas murid dapat memberi keputusan yang memberangsangkan. Dapatan kajian kuantitatif menunjukkan skor markah yang tinggi bagi murid yang sentiasa mempraktikkan strategi ini dalam setiap latihan kefahaman subjektif. Kajian ini juga membuktikan pentingnya rutin berfikir dalam pembelajaran kefahaman. Berdasarkan pemantauan guru, murid yang tidak kerap menggunakan strategi ini, akan mendapati sukar untuk menjawab soalan kefahaman dengan baik.

Kata Kunci: kefahaman, kefahaman subjektif, strategi berfikir, rutin berfikir, kata tanya, pembelajaran eksplisit

## PENGENALAN

Dalam laporan PSLE tahun 2019, pihak sekolah telah mengenal pasti tahap pencapaian yang lemah bagi komponen kefahaman subjektif oleh kohort murid pada tahun itu. Lantas, ketua bagi jabatan Bahasa Ibunda menetapkan fokus pembelajaran yang lebih terhadap komponen kefahaman subjektif bagi tahun 2020.

Berdasarkan kohort murid Darjah 4 bagi tahun 2020, jurang perbezaan dalam keupayaan murid dalam pemahaman bahasa, terlalu luas. Berdasarkan pengamatan dan pemerhatian guru, murid senang putus asa apabila menjawab soalan kefahaman subjektif berbanding soalan-soalan yang bersifat MCQ atau soalan yang memerlukan mereka mengisi tempat kosong (FIB). Hal ini mungkin disebabkan murid lemah dalam mengaplikasikan strategi berfikir.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kemahiran berfikir merupakan satu proses mental atau aktiviti mental untuk mencari makna. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menekankan kemahiran berfikir ialah teras kepada pembelajaran (McGregor 2007).

Selain merupakan komponen bahasa yang mempunyai pemberatan yang tinggi, kemahiran menggunakan strategi berfikir amat penting bagi menjawab soalan kefahaman dalam kertas Bahasa Melayu Lanjutan. Murid perlu mengenal pasti idea utama dalam perenggan sebagai satu langkah bagi menjawab soalan kefahaman.

Oleh yang demikian, para guru Darjah 4 mencipta satu strategi pembelajaran berdasarkan rutin berfikir untuk menggalak murid bukan sahaja berfikir, tetapi juga memahami tuntutan soalan kefahaman yang diberi.

Strategi berfikir ini memerlukan murid mengenal pasti **T** – *Topic Sentence* (Mengenal pasti idea utama dalam perenggan), **O** – *Other Supporting Ideas* (Mengenal pasti idea sampingan dalam perenggan) **P** – *Plan to answer* (Merancang untuk Menjawab - Serlahkan Kata Tanya, Gariskan Kata Kunci dan Tulis Nombor Soalan pada kata-kata kunci).



Hasil daripada usaha guru melengkapikan murid dengan pengetahuan asas tentang konsep Kata Tanya dan strategi berfikir 'T.O.P', guru dapat melihat perubahan yang memberangsangkan dalam diri murid yang menggunakan strategi ini dengan cara yang konsisten.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Seperti yang kita semua sedia maklum, dalam abad ke-21 ini, para pelajar digalakkan untuk berfikir secara kritikal selain dari dapat berkomunikasi dengan berkesan.

Isu yang kerap muncul bagi murid yang menjawab soalan kefahaman subjektif ialah mereka sering berputus asa lalu tidak menjawab semua soalan. Ada juga murid yang tidak menjawab soalan kefahaman langsung kerana tidak memahami tuntutan soalan kerana mereka masih lemah dalam membaca.

Masalah ini semakin merunsingkan apabila ramai murid yang gagal dalam komponen ini. Berdasarkan pemerhatian guru, sebilangan murid tidak merujuk semula kepada teks setelah membaca soalan. Mereka terus menjawab soalan berdasarkan bacaan mereka sekali lalu. Bagi kelas yang lemah pula, guru mendapati bahawa murid sering tidak selesai menjawab komponen kefahaman subjektif atau membiarkannya kosong tanpa sebarang jawapan.

Selain keupayaan murid yang mempunyai masalah menjawab soalan kefahaman, strategi ini juga memerlukan murid mengenal pasti idea utama dalam perenggan. Tuntutan ini juga diperlukan dalam menjawab soalan dalam kertas 2 Bahasa Melayu Lanjutan. Hal ini penting kerana peruntukan markah yang tinggi bagi kertas 2 Bahasa Melayu. Bilangan murid yang mengambil Bahasa Melayu Lanjutan juga amat sedikit, lantas, strategi yang diperkenalkan pada peringkat Darjah 4 merupakan langkah persediaan bagi mereka yang akan mengambil Bahasa Melayu Lanjutan kelak.

Justeru, permasalahan ini telah mendorong guru-guru untuk menerapkan strategi berfikir dalam pengajaran kefahaman subjektif. Strategi ini diharapkan dapat meningkatkan keupayaan murid untuk mengikut strategi berfikir yang



diajar guru dan dapat memberi respons yang betul ketika menjawab soalan. Penerapan strategi berfikir seperti ini juga dipercayai dapat menggalakkan budaya berfikir dalam kalangan murid.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan kebolehan murid menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif;
2. meningkatkan keupayaan murid dalam memahami teks kefahaman subjektif; dan
3. menilai keberkesanan penggunaan strategi berfikir T.O.P dalam respons murid menjawab soalan kefahaman subjektif.

## KAJIAN LEPAS

Merujuk pada dapatan kajian Tishman dan Palmer (2006), beliau menekankan beberapa matlamat yang boleh dicapai dengan penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran. Antaranya adalah dengan pelaksanaan rutin atau strategi berfikir, murid akan terlibat secara aktif dalam perbincangan yang dikemukakan. Perkara ini akan mencetuskan budaya berfikir dalam kalangan murid.

Ron Ritchart dan David Perkins (2005) dalam kajian *Project Zero*, menegaskan penggunaan rutin berfikir bagi menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Para pengkaji akur bahawa rutin berfikir dapat membangunkan keupayaan berfikir murid dan mendorong murid agar lebih bermotivasi dalam pelajaran (Salmon, 2010).

Kajian Butler (2010) menunjukkan bahawa pengajaran kefahaman secara eksplisit dan penggunaan strategi pelbagai, merupakan suatu proses pembelajaran yang amat berkesan untuk membangunkan pemahaman murid tentang teks yang dibaca. Penggunaan arahan-arahan eksplisit dengan contoh menjurus kepada pengajaran yang berpusatkan murid akan menghasilkan PdP yang berkesan.



Yahya Othman (2005) dalam bukunya 'Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu' menyatakan bahawa bagi murid mendapatkan pemahaman yang lebih jelas dan bermakna semasa membaca, penggunaan strategi yang sesuai juga dapat memberikan kesan yang baik dalam pemahaman. Coleman (1995) juga menyatakan bahawa penggunaan strategi membaca seperti alat berfikir yang sesuai, dapat meningkatkan pemahaman pembaca.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini berbentuk eksperimental dan menggunakan data praujian (penilaian Penggal 1) dan pascaujian (penilaian Semester 2) serta pemerhatian semasa PdP yang berlaku di dalam bilik darjah. Untuk mencapai objektif pembelajaran menggunakan strategi berfikir ini, guru-guru menggunakan kaedah pengajaran secara eksplisit.

Kaedah eksplisit ini merangkumi lima peringkat, iaitu pengenalan, penerangan, modeling, latihan dan penutup. Bahan-bahan yang digunakan termasuk slaid powerpoint, video powtoon, lembaran kerja, dan juga PdP yang menggunakan portal Student Learning Space (SLS).

Sebelum strategi berfikir diperkenalkan, murid-murid diajar konsep kata tanya secara eksplisit. Penerangan lanjut diterangkan oleh guru dan guru membuat modeling mengenai contoh-contoh kata tanya agar murid lebih memahami penggunaan kata tanya dalam ayat. Guru memberi banyak latihan berdasarkan penggunaan kata tanya dalam perbualan dan apakah fungsi setiap kata tanya. Pelbagai wadah digunakan seperti portal SLS dan lembaran kerja serta kertas penilaian.

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 4 seramai 45 orang murid. Dua kelas Bahasa Melayu terlibat dalam kajian eksperimental ini. Kelas P4ML1, merupakan kelas murid melebihi aras kebolehan dan pada aras kebolehan, manakala P4ML2 merupakan kelas murid praaras kebolehan. Secara purata, murid-murid Darjah 4 ini boleh membaca dengan baik. Hanya sebilangan murid Darjah 4ML2 yang masih lemah membaca.



## **Instrumen Kajian**

Tinjauan prapengajaran dijalankan untuk mengetahui strategi yang bersesuaian dengan profil murid Darjah 4 ini. Sebelum pengajaran ini dijalankan, Kelas P4ML1 didedahkan kepada strategi berfikir '6 Langkah Khas' yang merupakan langkah yang menghendaki murid mengenal pasti Kata Tanya, Kata Nama, Kata Kerja dan Kata Adjektif yang terdapat dalam soalan itu.

Guru juga mengambil kira sikap dan penerimaan murid dalam kajian ini. Selain mengambil pertimbangan maklum balas pelajar, guru juga membuat pengubahsuaian pada strategi dalam pengajaran kefahaman agar mencapai objektif pembelajaran.

## **Prosedur Kajian**

Merujuk kepada Amalan Pengajaran Singapura (STP), guru telah melaksanakan aspek pengajaran 'Menetapkan Jangkaan & Rutin' yang mana murid telah diajar menggunakan strategi berfikir bagi setiap latihan kefahaman subjektif.

Dengan pemilihan strategi pengajaran yang konsisten dan teratur, guru mengajar murid strategi berfikir 'T.O.P' untuk membantu murid mencapai pengetahuan, kemahiran dan sikap serta tingkah laku yang ingin dicapai.

Strategi berfikir 'T.O.P' yang dipilih dan dilakukan secara rutin ini bukan sahaja membolehkan murid untuk membuat sintesis tetapi juga mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku yang ingin dicapai.

Kajian ini dijalankan untuk kohort Darjah 4, selama dua tahun bermula dari tahun 2019 hingga 2020. Kesemua pelajaran dijalankan di dalam kelas. Bagi sesi yang berlangsung seminggu sekali selama tiga waktu pelajaran. Bagi permulaan sesi, murid diajar pembelajaran Kata Tanya secara eksplisit serta penggunaannya dalam ayat dan perbualan.

Setelah murid mahir dalam pengetahuan Kata Tanya, guru mulakan dengan sesi seterusnya, iaitu mengajar murid mencari idea pertama dalam



perenggan. Sesi kedua ini memakan masa yang agak lama kerana ramai murid masih menggarap isi kandungan teks kefahaman dan mencari idea utama dalam perenggan pada masa yang sama.

Dalam proses PdP, guru-guru menjalankannya secara bertahap yang disesuaikan mengikut langkah-langkah penyoalan dalam setiap rutin berfikir. Langkah-langkah yang dimaksudkan merupakan soalan-soalan rangsangan untuk membantu murid berfikir dengan lebih mendalam.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah selama dua tahun menjalankan strategi berfikir, kelas P4ML1 yang mengaplikasikan strategi secara konsisten dapat meraih markah tinggi untuk komponen kefahaman subjektif dan murid mampu memberi respons yang lebih memberangsangkan.

Berikut merupakan langkah-langkah dalam menyingkap proses pembelajaran menjawab kefahaman berdasarkan strategi berfikir T.O.P.

2019 – T.O.P (Sila rujuk Rajah 1) diperkenalkan setelah guru mendapati ramai murid gagal dalam komponen kefahaman subjektif. Strategi ini merupakan strategi yang dicipta khas untuk disesuaikan dengan tahap pemahaman dan kebolehan pelajar menggarap apa yang diajar.

Rajah 1: Strategi T.O.P



Langkah- langkah untuk menjawab soalan kefahaman subjektif adalah seperti berikut:

1. Buat senarai semak **T.O.P** di bahagian atas teks;
2. Baca semua soalan sebelum membuat langkah **T.O.P**;
3. Serlahkan Kata Tanya pada batang soalan;
4. Baca teks, gariskan **T** (Idea Utama), **O** (Idea Sampingan);
5. **P** (Merancang untuk Menjawab - Gariskan kunci jawapan, Tuliskan nombor soalan pada kunci jawapan); dan
6. Jawab semua soalan.

Dalam melaksanakan pengajaran strategi ini secara eksplisit, di akhir setiap semester, guru akan memastikan ‘*checkpoint*’ dilaksanakan bagi memastikan semua murid mengingati dan mempunyai kemahiran dan pengetahuan bagi mempelajari rutin strategi berfikir, **T.O.P**.

**Rajah 2: Senarai Semak Strategi T.O.P**

**MARI CUBA!**


- Latihan pertama (kelas)
- Latihan berkumpulan
- Latihan individu
- Kuiz Kumpulan
- Kuiz Individu

Dapatan kajian menunjukkan, hanya setelah satu setengah tahun, murid dapat menunjukkan kemajuan dalam menjawab soalan kefahaman subjektif. Melaksanakan strategi dan mempraktikkannya secara rutin dan konsisten akan memberi hasil yang seperti berikut.





### Rajah 3: Contoh Hasil Kerja Murid


**Senarai Semak T.O.P**  
**KEFAHAMAN SUBJEKTIF (9 markah)**  
 Arahan: Baca dengan teliti petikan keratan, jawab soalan yang mengikutnya di dalam tarikh.

**Idea Utama**

Mariam melihat bunga bilik Nek Aisyah masih bercahaya. Dia melihat membelekkan dirinya mengotok pintu bilik neneknya. Mariam membuka pintu bilik neneknya itu sebab sahaja mendengar suara neneknya membenarkannya masuk.

**Idea Sampingan**

Kelihatan Nek Aisyah sedang menyik nenasnya bebek ke dalam sebuah pasak. Terdapat beberapa pangkal bunga bercahaya di atasnya. Mariam mengotok bunga-bunga tersebut. Dia berasa terkejut. Rempok-bunga yang bercahaya itu sudah tercahaya hidup.

"Wah, pandainya nenek membuat bunga-bunga ini daripada plastik! Nenek belajar daripada siapa?" tanya Mariam.

Nenek pergi ke balai rakyat yang berdekatan kerana terdapat kursus membuat bunga plastik dan cara menyusun bunga.

**Cari kunci jawapan dan tulis nombor soalan**

Mariam kadang-mesial neneknya yang tidak setiap hari ada sebagai perkara yang akan memulainya neneknya akan sibuk membuat kuih-muih untuk neneknya mencari hobi baharu lalu membuat bunga plastik. Neneknya selalu bersemangat. Mariam tidak membongak masa begitu sahaja. Mariam harus mengisi masa lapangnya dengan pehagai aktiviti yang bermakna.

usc41

### Rajah 4: Contoh Hasil Kerja Murid

**Serlahkan Kata Tanya**

18. **Apakah yang** Mariam nampak dan dengar mengotok pintu bilik neneknya? (2m)

Mariam melihat lampu bilik nek Aisyah masih bercahaya.

Markah yang diperolehi: 2

19. **Mengapakah** Mariam berasa terkejut apabila memegang bunga-bunga itu?

Mariam berasa terkejut kerana bunga-bunga yang dipegangnya itu bukannya hidup.

Markah yang diperolehi: 2


20. **Ragaimakah** Nek Aisyah tahu membuat bunga-bunga plastik itu? (2m)

Nek Aisyah pergi ke balai rakyat yang berdekatan. Di sana terdapat kursus membuat bunga plastik dan cara menyusun bunga.

Markah yang diperolehi: 2

Peratusan markah yang diraih murid P4ML1 pada tahun ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4. Berdasarkan markah komponen kefahaman subjektif, murid mendapat markah yang konsisten apabila rutin itu dipraktikkan secara konsisten.

**Rajah 4:**



Berdasarkan refleksi murid, guru berupaya menilai keberkesanan strategi berfikir **T.O.P** dalam pengajaran kefahaman subjektif. Sebanyak 85% murid yang menggunakan strategi berfikir secara konsisten berasa yakin dalam menjawab soalan kefahaman subjektif dengan menggunakan strategi **T.O.P**. 14% murid yang tidak menggunakan strategi ini dengan konsisten, berasa kurang yakin untuk menjawab soalan kefahaman subjektif. Sila lihat Jadual 1.

**Jadual 1: Refleksi Murid Menggunakan Strategi T.O.P**

Item	Soalan	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju
1	Saya faham dan tahu bagaimana strategi ini dijalankan.	85.7 %	14.3%	-
2	Saya yakin menggunakan strategi T.O.P dalam menjawab soalan kefahaman subjektif.	85.7 %	14.3%	-

## KESIMPULAN

Strategi berfikir **T.O.P** yang diterapkan dalam PdP kefahaman subjektif ini mampu memberi kesan dan menjana pemikiran murid secara sistematik. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa strategi berfikir yang dijalankan secara konsisten akan meningkatkan keyakinan murid juga dalam menjawab soalan kefahaman agar murid berupaya memberi respons yang dikehendaki guru.



Dengan penggunaan pengajaran secara eksplisit, projek ini juga dapat dilaksanakan dengan menggunakan portal SLS. Justeru, guru yang bercadang untuk meneruskan dengan penerapan strategi berfikir, boleh juga mempertingkatkan kemahiran murid dengan penerapan rutin berfikir yang pelbagai. Diharapkan dengan cara ini, murid akan dapat memanfaatkan pengajaran yang lebih berpandu serta pelbagai untuk berfikir.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Hartini Abdul Rahman
2. Norlela Nor Baidin
3. Amirr Hamzah Haji Abdul
4. Nurul Ain Aqidah Rosli

## RUJUKAN

Douglas Fisher dan Nancy Grey, (2007). *Checking for Understanding: Formative Assessment Techniques For Your Classroom*. USA: ASCD.

Leong Wei Shin, Cheng Yuanshan dan Kelvin Tan, (2015) *Assesment And Learning In Schools: Qualitative Approaches to Assessment in Schools*. Singapore: Pearson Education South Asia Pte Ltd.

Ron Richtart “Thinking Routines: Establishing patterns of thinking in the classroom” (paper presented at the AERA Conference, San Francisco, 2006).

PZ Havard.edu, (2016). *Project Zero’s Thinking Routine Toolbox*. Dirujuk pada 30 November 2019. President and Fellows of Harvard College | Harvard Graduate School of Education.

